

SIAPAKAH PENGASAS SYI'AH

Era pemerintahan Zunnurain iaitu Sayyidina 'Uthman r.a memperlihatkan perkembangan Islam bergerak dengan begitu pesat sebagai rentetan kepada kejayaan dua khalifah islam sebelumnya iaitu Saidina Abu Bakr dan Saidina 'Umar radhma. Fenomena ini menggusarkan puak Yahudi, Majusi dan Nasrani. Justeru mereka mula memikirkan cara yang lebih halus untuk menghancurkan Islam setelah perancangan sebelumnya gagal walaupun mereka telah berjaya membunuh khalifah umat islam yang kedua 'Umar al-Khattab r.a.

Musuh-musuh islam merangka strategi yang lebih tersusun untuk memusnahkan Islam dari dalam iaitu dengan merosakkan pegangan suci umat Islam dan memecah belahkan perpaduan umat islam. Untuk tujuan itu mereka telah menghantar seorang tokoh propaganda hebat seorang Yahudi iaitu Abdullah bin Saba' atau dikenali juga dengan Ibnus Sauda'. Beliau telah membawa masuk berbagai-bagai fahaman yang sama sekali tidak ada kena mengena dengan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Fahaman-fahaman ganjil berkenaan kemudiannya disambut dan dikembangkan sehingga akhirnya dijadikan perinsip ajaran Syi'ah di sepanjang zaman. Berdasarkan kepada hakikat inilah maka 'Abdullah Ibnu Saba' yang berbangsa Yahudi telah dianggap sebagai pengasas kepada ajaran Syi'ah.

AKIDAH IBNU SABA' DAN KESESATANYA

Tokoh Yahudi ini telah mempopularkan ajaran-ajaran yang bersifat akidah yang tidak ada kena mengena dengan ajaran islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw. Beliau telah berjaya menanam kukuh ajaran akidah sesat ini kedalam pemikiran pengikutnya dan ajaran ini telah meresap kedalam semua pecahan-pecahan Syi'ah. Beliau seorang yang sangat pintar kerana meletakkan kata kunci "عصمة الإمام" demi memastikan semua ajaran-ajaran tadi diterima oleh pengikutnya tanpa rasa ragu dan teragak-agak.

Kesan dari konsep kema'suman para imam maka ulamak Syi'ah mengatakan:

إن الاعتقاد بعصمة الأئمة جعل الأحاديث التي تصدر عنهم صحيحة دون أن يشترطوا إيصال سندها إلى النبي - صلى الله عليه وسلم - كما هو الحال عند أهل السنة

Maksudnya: Akidah kema'suman para imam telah menyebabkan kesemua hadith-hadith yang bersumberkan dari mereka menjadi sahih tanpa disyarat bersambung sanadnya kepada Nabi saw sebagaimana ianya menjadi syarat kepada ahlussunnah waljamaah¹.

ولما كان الإمام معصوما عند الإمامية فلا مجال للشك فيما يقول

Maksudnya: Keyakinan Syi'ah Imam Dua Belas akan kema'suman para imam menyebabkan tidak boleh meragukan setiap kata-kata imam².

ويقول المامقاني: "إن أحاديثنا كلها قطعية الصدور عن المعصوم"

Maksudnya: Al-Mamaqoni berkata: Semua hadith yang bersumberkan dari imam ma'sum adalah "qat'ie"³.

Inilah antara kenyataan-kenyataan penting Syi'ah yang berkaitan dengan para imam dan ianya menatijahkan "kata-kata para imam" adalah nas agama yang wajib dipatuhi.

Asas-asas ajaran syi'ah yang dibenihkan oleh ibnu saba':

- 1) Akidah wasiat, iaitu Nabi saw telah mewasiatkan secara nas jawatan khalifah kepada Saidina 'Ali ra.
- 2) Pengasas kepada ajaran "البراءة" iaitu sikap memutuskan hubungan kasih sayang dengan orang yang memusuhi Saidina 'Ali ra dan orang yang tidak sependapat (Mengikut dakwaanya)denganya dan menghukumkan mereka semua sebagai kafir. (Sandaran kenyataan ini bukan melalui sember dari Tarikh Tabari dan jaluran riwayat Saif bin 'Umar sahaja bahkan ianya juga melalui sumber-sumber yang lain umpamanya Annaubkhti, al-Kassyi, al-Mamaqoni, al-Tustari dan para sejarawan Syi'ah yang lain)
- 3) Akidah ketuhanan 'Ali ra. (Sebagai *Ilah* dan *Rab*)

¹ Tarikh Imamiyyah, m/s: 158.

² Ibid m/s: 140.

³ Tanqiih al- Maqal, jld:1, m/s: 177. Ini adalah kitab utama Syi'ah dalam bidang jarh watta'dil karya Al-Mamaqoni

- 4) Orang yang mula-mula mendakwa menjadi nabi, dari kalangan firqoh Syi'ah ghulat.⁴
- 5) Akidah raj'ah. Iaitu kebangkitan Nabi saw. Akidah ini mula disebut oleh Ibnu Saba' ketika beliau berada di Mesir.
- 6) 'Ali adalah "دابة الأرض" dan beliau juga sebagai pencipta makhluk dan pemberi rezqi kepada mereka. (Saba': 14, anai-anai- yang memakan tongkat Nabi Sulaiman)
- 7) Kalangan Sabaiyyah berkata: Mereka tidak akan mati bahkan mereka akan menjadi burung yang berterbangan selepas mereka mati dan lebih dikenali sebagai "الطيارة".
- 8) Satu kelompok dari kalangan Sabaiyyah berakidah:Berlaku perpindahan ruh suci dari kalangan imam (تناسخ الأرواح). Majoriti kalangan mereka beriktihad dengan tanasukh dan raj'ah.
- 9) Kalangan Sabaiyyah berkeyakinan: Kalangan kita sahaja yang mendapat petunjuk wahyu dan ilmu yang khusus yang tidak diketahui oleh orang lain.
- 10) Kalangan Sabaiyyah berkeyakinan : Rasulullah menyembunyikan 9/10 wahyu Allah swt.
- 11) Kalangan Sabaiyyah berkeyakinan : 'Ali berada di atas awan.

⁴ Rijal Kasyi, m/s: 98. Qamus al-Rijal, jld:5, m/s: 461. Tanqiih al-Maqol, cet al-Murtadhawiiyyah di Najaf pd 1350 H, jld: 2, m/s: 183-184.